

JAWAPAN

TEMA
11

Alam Anugerah Terindah

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Maklumat tersurat	Maklumat tersirat
1. Kerajaan telah menggubal Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 untuk membendung aktiviti pemburuan haiwan	Hukuman undang-undang yang berat dan tegas patut dikenakan kepada pemburu haiwan.
2. Kerajaan mewartakan kaedah penanaman pokok-pokok semula di kawasan hutan yang telah ditebang kepada pihak yang terlibat dalam aktiviti penebangan pokok.	Masyarakat melaporkan kegiatan penebangan hutan secara haram kepada pihak berkuasa.
3. Kerajaan menguatkuasakan undang-undang untuk mengatasi masalah pencemaran dan melancarkan kempen melalui pelbagai media massa untuk menyedarkan masyarakat agar mencintai alam sekitar, seperti Kempen Cintailah Sungai Kita.	Pelbagai pihak bekerjasama untuk membersihkan sungai melalui pelbagai aktiviti.
4. Kerajaan memperuntukkan 50 peratus daripada keluasan hutan sebagai kawasan hutan simpan supaya dapat menjadi tempat pemeliharaan dan pemuliharaan haiwan yang semakin pupus.	Aktiviti penerokaan hutan dijalankan dengan menggunakan cara yang sistematik dan berjadual.

PBD Kemahiran Membaca

Pemanasan global merupakan masalah antarabangsa yang dihadapi oleh manusia dan hidupan lain di muka bumi ini. Pemanasan global berlaku adalah disebabkan oleh penipisan lapisan ozon hasil daripada pembebasan gas klorofluorokarbon, gas metana, dan gas karbon monoksida yang dikeluarkan oleh kenderaan dan kilang perindustrian. Fenomena ini mendatangkan ketidakselesaan kepada penghuni bumi. Pemanasan global juga menyebabkan pencairan bongkah ais di Kutub Utara dan Kutub Selatan. Keadaan yang berlaku ini menyebabkan peningkatan aras laut. Kawasan yang rendah diancam oleh banjir kilat, malahan berhadapan dengan risiko tenggelam. Bongkah ais yang hanyut ke laut mengundang bahaya kepada mereka yang berada di dalam kapal dagang dan kapal persiaran. Seterusnya, pemanasan

global memudaratkan kesihatan manusia. Sinar lembayung daripada matahari mendedahkan manusia kepada risiko penyakit seperti kanser kulit, katarak, dan hidrasi. Pemanasan global juga menyebabkan bumi senang diancam oleh fenomena alam, seperti kebakaran hutan, kemarau panjang, dan banjir kilat. Fenomena alam yang berlaku itu menyebabkan banyak kematian dan kemusnahan harta benda.

PBD Kemahiran Menulis

Pendahuluan jenis definisi

Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang wujud secara semula jadi di permukaan bumi atau sebahagian daripadanya. Alam sekitar juga boleh dipanggil flora dan fauna. Alam sekitar kini semakin tercemar. Oleh itu, masyarakat haruslah memainkan peranan untuk menyelamatkan alam sekitar.

Pendahuluan jenis pendapat

Menurut mantan Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir Mohamad, pencemaran alam sekitar berpunca daripada kegiatan pembangunan. Namun begitu, pembangunan tidak boleh dihentikan sama sekali, sebaliknya kita boleh meneruskan pembangunan tetapi pada masa yang sama, mengurangkan pencemaran. Dalam hal ini, masyarakat boleh turut sama memainkan peranan untuk menyelamatkan alam sekitar.

Pendahuluan jenis suasana

Kereta yang dipandu oleh ayah menyusuri jalan raya dengan perlahan sekali. Rasa mengantuk dan letih yang saya alami hilang apabila kami tiba di kawasan Air Terjun Pelangi. Sungai Lembing. Gegendang telinga saya mendengar bunyi air terjun sayup-sayup dari jauh. Alangkah indah dan damainya suasana alam sekitar di sini.

Pendahuluan jenis persoalan

Setiap orang terpesona apabila menyaksikan panorama alam yang indah, bersih, dan mendamaikan. Apakah yang dikatakan alam sekitar yang indah, bersih, dan mendamaikan itu? Apakah faktor-faktor yang menjadikan alam sekitar berkeadaan sedemikian? Siapakah yang bertanggungjawab untuk menjaga dan memulihara alam sekitar?

PBD Aspek Tatabahasa

- (1) pertumbuhan ekonomi
- (2) acara tahunan
- (3) membangkitkan kesedaran
- (4) akan meningkat
- (5) daripada ladang ternakan
- (6) amat sukar dilaksanakan
- (7) memberi peluang
- (8) menyingsing lengan